




PUBLIC
DEFENDER'S
OFFICE

pdo.mlaw.gov.sg



PUBLIC
DEFENDER'S
OFFICE



Perlukan peguam tetapi kurang
berkemampuan?

Mohon **bantuan pembelaan jenayah**
di Pejabat Peguam Bela Awam



Imbas untuk
maklumat lebih lanjut
mengenai bantuan
pembelaan jenayah

MINISTRY OF LAW
SINGAPORE

MENGENAI PEJABAT PEGUAM BELA AWAM

Pejabat Peguam Bela Awam (PDO) ditubuhkan untuk meningkatkan akses kepada keadilan bagi mereka yang rentan melalui peruntukan bantuan pembelaan jenayah.

Ditubuhkan sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Undang-undang, PDO akan dianggotai oleh pegawai sepenuh masa yang bertanggungjawab membantu Ketua Peguam Bela Awam dalam menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta Pembela Awam 2022.

Warga Singapura dan Penduduk Tetap yang didakwa kesalahan yang tidak melibatkan hukuman mati atau ingin memfailkan atau membela rayuan tetapi tidak mampu mendapatkan perwakilan undang-undang oleh sebab kemampuan terhad, boleh memohon bantuan pembelaan jenayah daripada PDO. Semua pemohon mesti memenuhi kedua-dua kriteria kemampuan dan merit, dan mungkin perlu membuat bayaran sumbangan, sebelum dinilai sebagai layak menerima bantuan pembelaan jenayah.

**PUSAT PERKHIDMATAN KEMENTERIAN
UNDANG-UNDANG**
45 Maxwell Road
#07-11 The URA Centre (East Wing)
Singapore 069118

WAKTU OPERASI

Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi hingga 5.00 petang
(Tiket beratur terakhir akan diagihkan pada jam 4.30 petang. Untuk mengelakkan kesesakan, orang awam dinasihati supaya mengunjungi Pusat Perkhidmatan antara jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi.)

Ditutup pada hujung minggu dan cuti umum

MAHKAMAH NEGARA (PUSAT BANTUAN)

1 Havelock Square
#B1-18 State Courts
Singapore 059724

WAKTU OPERASI

Isnin hingga Jumaat,
9:00 pagi hingga 12:00 petang,
2:00 petang hingga 5:00 petang

PERTANYAAN DALAM TALIAN

<https://go.gov.sg/contactminlaw>

NOMBOR TELEFON


1800-225-5529

WAKTU OPERASI

Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi hingga 5.00 petang
Ditutup pada hujung minggu dan cuti umum

HUBUNGI KAMI

LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMOHON BANTUAN PEMBELAAN JENAYAH

1	2	3	4	5	6	7
Pastikan anda layak	Sediakan dokumen-dokumen sokongan anda	Hantarkan permohonan anda	Jalani dua sesi temu duga	Terima notifikasi	Bayar sumbangan	Peguam akan ditugaskan
<p>A. Warga Singapura atau Penduduk Tetap</p> <p>B. Sudah didakwa atau ingin memfailkan/membela rayuan di Mahkamah</p> <p>C. Menghadapi kesalahan yang di dalam lingkungan Akta Pembela Awam</p> <p>D. Tidak mempunyai peguam untuk mewakili anda</p> <p>E. Mempunyai pendapatan purata bulanan isi rumah per kapita (PCHI) tidak melebihi \$1,500 sepanjang 12 bulan terakhir</p>  	<p>Anda perlu menyediakan</p> <ol style="list-style-type: none"> d o k u m e n - d o k u m e n t Mahkamah, dan semua maklumat kewangan anda semasa membuat permohonan <p>(Sila rujuk kepada 'Senarai dokumen-dokumen sokongan' untuk maklumat yang perlu anda sediakan.)</p> <p>Jika anda tidak menyerahkan semua dokumen yang berkaitan, permohonan anda akan ditangguhkan atau luput</p>  <p>A. Dalam Talian Mohon di laman web https://go.gov.sg/applypdo (Log masuk Singpass diperlukan.)</p> <p>B. Secara Bersemuka</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pusat Perkhidmatan Kementerian Undang-undang ii. Mahkamah Negara (Pusat BANTUAN) <p><i>Nota: Jika anda sedang ditahan dalam reman atau dipenjara, sila mohon secara langsung melalui Perkhidmatan Penjara Singapura.</i></p>	<p>A. Ujian Kemampuan Untuk menentukan sama ada anda mempunyai keupayaan kewangan yang terhad untuk mendapatkan perwakilan undang-undang persendirian.</p> <p>B. Ujian Merit Untuk menentukan sama ada anda:</p> <ol style="list-style-type: none"> akan mendapat manfaat daripada perwakilan undang-undang jika mengaku bersalah; mempunyai alasan yang munasabah untuk membela kes anda di Mahkamah; atau mempunyai alasan yang munasabah untuk memfailkan atau membela rayuan atau permohonan <p><i>Temu duga ini akan dilakukan melalui telefon. Anda perlu pastikan bahawa anda bersedia pada masa janjitemu yang telah dijadualkan.</i></p>	<p>Anda akan menerima keputusan permohonan melalui e-mel/surat. Jika permohonan anda diluluskan, jumlah sumbangan yang perlu dibayar kepada Pejabat Peguam Bela Awam akan dinyatakan di dalam surat tersebut.</p> <p>Kes-kes yang layak juga mungkin dirujukkan kepada Pro Bono SG. Mereka akan menasihati anda tentang jumlah sumbangan yang perlu dibayar.</p>  	<p>Anda perlu membayar jumlah sumbangan dalam jangka masa yang ditetapkan. Jika anda gagal, bantuan tidak akan diberikan.</p>		<p>Seorang Peguam Bela Awam atau peguam sukarela di bawah CLAS akan ditugaskan untuk menangani kes anda.</p>



SENARAI DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN

Sila sediakan dokumen-dokumen sokongan berikut ketika anda memohon:

Dokumen-dokumen Mahkamah

- Bon jaminan
- Dokumen dakwaan
- Kenyataan amaran
- Slip sebutan Mahkamah terkini
- Alasan-alasan Keputusan (jika memfailkan atau membela rayuan)
- Sebarang dokumen lain daripada Mahkamah, atau laporan perubatan jika berkaitan dengan kes anda

Dokumen-dokumen Kewangan

- Penyata-penjata bank terkini atau buku simpanan akaun bank yang dikemas kini dengan transaksi 3 bulan terakhir ditunjukkan dengan jelas (akaun bersama dan akaun peribadi)
- Surat gaji untuk 12 bulan terakhir (jika bekerja tanpa sumbangan CPF)
- Sebarang dokumen-dokumenn sokongan lain untuk membuktikan pekerjaan dan pendapatan (jika bekerja sendiri)
- Penyata Akaun Depositori Pusat (CDP) terkini
- Penyata terkini bagi semua produk pelaburan dengan nilai tunai atau serahan (seperti saham tempatan atau luar negara, simpanan tetap, unit amanah, Bon Simpanan Singapura dan produk pelaburan lain)
- NRIC (untuk permohonan secara bersemuka)



KRITERIA KELAYAKAN

Umur	<ul style="list-style-type: none">• 21 tahun ke atas• Jika anda berumur di bawah 21 tahun, ibu bapa atau penjaga anda mesti memohon bantuan pembelaan jenayah bagi pihak anda
Status Mastautin	<ul style="list-style-type: none">• Warga Singapura atau Penduduk Tetap Singapura
Perumahan	<ul style="list-style-type: none">• Pemilik satu harta tanah perumahan sahaja• Harta tanah yang dimiliki mesti mempunyai nilai tahunan tidak melebihi \$13,000
Pendapatan Isi Rumah Per Kapita (PCHI)	<ul style="list-style-type: none">• Purata PCHI bulanan tidak boleh melebihi \$1,500 <p>Jumlah pendapatan kasar semua ahli isi rumah yang bekerja dalam tempoh masa 12 bulan terakhir</p> $\text{Purata PCHI} = \frac{\text{Jumlah pendapatan kasar semua ahli isi rumah yang bekerja dalam tempoh masa 12 bulan terakhir}}{\text{Bilangan ahli isi rumah} \times 12}$
Wang Simpanan dan Pelaburan Bukan CPF	<ul style="list-style-type: none">• Tidak boleh melebihi \$10,000 (jika di bawah umur 60 tahun)• Jika berumur 60 tahun ke atas, tidak boleh melebihi \$40,000
Jenis Kesalahan	<ul style="list-style-type: none">• Semua kesalahan jenayah kecuali yang berikut:<ul style="list-style-type: none">+ Kesalahan yang melibatkan hukuman mati+ Bersifat kawal selia+ Berkaitan dengan (i) perjudian dan pertaruhan, (ii) jenayah terancang dan sindiket, (iii) keganasan+ Didakwa oleh orang persendirian
Kriteria Lain	<p>Sila lungsuri laman web go.gov.sg/pdscope untuk senarai penuh kesalahan yang dikecualikan</p> <ul style="list-style-type: none">• Sudah didakwa/disabitkan dan dijatuhan hukuman di Mahkamah• Tidak diwakili peguam• Lulus ujian merit

APAKAH BANTUAN YANG BOLEH SAYA DAPATKAN?



PDO akan bekerjasama dengan Pro Bono SG (yang sebelumnya dikenali sebagai Perkhidmatan Pro Bono Persatuan Undang-undang) untuk bersama-sama memberi bantuan pembelaan jenayah di Singapura.

Sekiranya anda memenuhi kriteria kelayakan untuk bantuan pembelaan jenayah, seorang Peguam Bela Awam atau peguam sukarela di bawah Skim Bantuan Guaman Jenayah (yang ditadbirkan oleh Pro Bono SG) akan ditugaskan untuk mewakili anda di Mahkamah.